



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	9/6/2021	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JPSM			



PENGUAT kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang membuat pemeriksaan ke atas lori yang membawa kayu balak saiz luar biasa di Hentian Rehat dan Rawat Gombak arah barat. - FACEBOOK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

Tebang pokok tua perlu bukti laporan

SAUDARA PENGARANG.

ISU lori membawa tua balak bersaiz besar yang tular di pelbagai media baru-baru ini mendapat perhatian umum serta menimbulkan persoalan dan persepsi meragukan.

Berdasarkan kenyataan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, agensi tersebut tidak menyatakan secara terperinci butiran kawasan kelulusan lesen dan salah satu persoalan, adakah lesen pengusahasilan tersebut menggunakan kaedah Sistem Pengurusan Memilih (SMS) atau kaedah tebang habis?

Sekiranya di bawah lesen pengusahasilan menggunakan kaedah SMS, ia tertakluk kepada pensijilan pengurusan hutan secara berkekalan dan perlu mematuhi kehendak Kriteria dan Petunjuk Malaysia (MC&I).

Dua contoh MC&I yang perlu dipatuhi ialah had batas tebang dan had pengeluaran isipadu maksimum yang boleh dikeluarkan dalam sehektar.

Oleh itu, tidak timbul soal pihak jabatan hendak menebang pokok sekiranya agensi tersebut mengambil kira keistimewaan serta keseluruhan ekosistem dan biologi hutan.

Alasan pihak jabatan yang mendakwa sesuatu pokok yang sangat tua dan mencapai tempoh matang tidak lagi berfungsi kepada ekosistem persekitaran adalah tidak kukuh sedangkan agensi tersebut boleh pula

mengekal dan melindungi sebatang pokok chengal (*neobalanocarpus heimii*) besar di Hutan Simpan Pasir Raja.

Tidak dinafikan jabatan perlu merujuk kepada amalan silvikultur bagi keperluan sistem pengurusan hutan tetapi penebangan sesuatu pokok yang didakwa terlalu tua dan tidak lagi berfungsi kepada ekosistem persekitaran perlulah dibuktikan dengan mengemuka laporan penilaian terhadap kesihatan pokok.

Dakwaan pihak jabatan bahawa sesuatu pokok yang sangat tua dan mencapai tempoh matang patut ditebang kerana peranannya terhadap ekosistem hutan tidak lagi menghasilkan oksigen berbanding pokok-pokok muda yang lebih aktif serta akan memberi ruang untuk pokok-pokok muda tumbuh dengan lebih baik hanya sesuai di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran tetapi bukannya di kawasan HSK yang dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan.

Kerajaan negeri pula disaran supaya tidak terlalu mengharap kepada hasil pembalakan dan perlombongan kerana telah menerima royalti petroleum daripada Kerajaan Persekutuan.

MEOR RAZAK MEOR ABDUL RAHMAN
Penasihat Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa)